


AGENDA PENDIDIKAN MADANI



Benarkah kita masih gagal mewujudkan masyarakat yang bersatu padu di negara ini? Adakah hubungan antara kaum di Malaysia semakin renggang? Sekiranya betul, mengapakah keadaan ini berlaku? Adakah sistem pendidikan dan politik menjadi punca? Selepas begitu banyak usaha dilakukan, termasuklah melalui pelbagai dasar yang diperkenalkan oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN), mengapakah kita masih belum berupaya mewujudkan masyarakat Malaysia yang benar-benar bersatu padu? Pada tahun ini, kita akan menyambut ulang tahun penubuhan Malaysia ke-60. Dalam hal ini, adakah persoalan tentang perpaduan perlu dinilai semula bagi mencapai kesepaduan sosial dan perpaduan nasional yang utuh?

Hakikatnya, perpaduan sentiasa menjadi satu daripada matlamat dan keutamaan sistem pendidikan di Malaysia. Malah, Rancangan Malaysia Pertama dan Rancangan Malaysia Kedua dengan jelas menyatakan bahawa matlamat negara adalah untuk mewujudkan perpaduan. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 memberikan penekanan untuk "mengukuhkan perpaduan dalam kalangan murid". Maka itu, pendidikan di Malaysia memainkan peranan yang penting dalam menyemai, memupuk dan memperkuatkan perpaduan dalam kalangan murid pelbagai kaum. Jika melentur biarlah waktu rebung. Peribahasa ini amat sesuai dalam konteks usaha untuk memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum dan agama di negara ini. Jurang dan kesenjangan yang wujud perlu dirapatkan bukan sahaja dari segi prasarana, ekonomi atau politik, tetapi juga dari segi sosial.

Kesepaduan sosial dan integrasi nasional harus sentiasa ditekankan sejak di bangku sekolah lagi jika kita ingin memastikan negara ini berada pada landasan yang betul. Tiada negara yang dapat menumpukan perhatian kepada pembangunan jika negara itu dilanda krisis politik dan sosial. Satu daripada ramuan utama pembangunan negara dan pertumbuhan ekonomi ialah kestabilan sosiopolitik dan keharmonian hubungan kaum. Semangat dan nilai ke arah memupuk perpaduan perlu terus disemarakkan di negara ini. Oleh itu, tempat yang paling sesuai untuk kita bermula adalah di sekolah melalui aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Perbezaan kaum, agama dan budaya tidak harus menjadi tembok penghalang perpaduan. Sebaliknya sebarang perbezaan dan kelainan itu diraikan dengan memahami, menghormati dan bertolak ansur terhadap kelainan dan perbezaan berkenaan.

Agenda pendidikan MADANI amat penting dan perlu diberikan perhatian khususnya untuk membentuk hubungan etnik yang harmoni dalam kalangan pelajar pelbagai kaum.

Pada awalnya ketika di sekolah rendah, saya tidak begitu terdedah kepada masyarakat pelbagai kaum. Hal ini demikian kerana sekolah tempat saya belajar didominasi oleh kaum Melanau. Maka itu, saya tidaklah begitu terdedah kepada budaya dan cara hidup pelajar daripada kaum yang lain. Saya hanya terdedah kepada pelajar Cina dan Iban apabila memasuki sekolah menengah hingga ke tingkatan lima. Apabila memasuki tingkatan enam, saya semakin terdedah kepada masyarakat pelbagai kaum di Sarawak. Semasa belajar di sekolah berkenaan selama dua tahun, saya bergaul dengan pelajar dalam kalangan masyarakat Orang Ulu, selain pelajar Melayu, Iban dan Melanau dari daerah lain di Sarawak. Saya mulai bergaul dengan pelajar Kelabit, Kenyah, Kayan, dan sebagainya, serta mulai memahami mereka dengan lebih baik. Sebelum ini saya hanya mengenali kaum berkenaan daripada buku teks yang saya pelajari. Ketika belajar di sebuah universiti tempatan, barulah saya berpeluang mengenali pelajar kaum India. Yang menariknya, ketika di universiti berkenaan, saya turut berpeluang tinggal sebilik dengan pelajar Cina dan India.

Pengalaman dan pendedahan bergaul dengan masyarakat pelbagai kaum di sekolah dan di universiti, malah di tempat kerja banyak memberikan kesan kepada saya dalam konteks pergaulan dan hubungan etnik, serta bagaimana saya menanggapi isu berkaitan dengan masyarakat pelbagai kaum di negara ini. Apatah lagi, boleh saya katakan bahawa dalam keluarga besar saya, saya mempunyai saudara dan anak saudara yang berkahwin dengan hampir semua suku kaum. Pendedahan dan pergaulan berkenaan telah mempengaruhi tanggapan dan pendirian saya tentang masyarakat pelbagai kaum di negara ini. Saya tidak mudah melihat sesuatu isu yang timbul dalam masyarakat dan di media sosial dengan kaca mata perkauman yang sempit.

Saya tidak mudah terjebak dalam prasangka perkauman, etnosentrisme, stereotaip dan nilai negatif yang lain. Sebaliknya, saya lebih bertolak ansur dan memahami kaum lain di negara ini dalam konteks yang lebih luas. Saya tidak mudah memberikan label kepada kaum lain atau mempunyai prasangka buruk terhadap mereka. Bayangkan jika saya menyatakan sesuatu yang buruk terhadap kaum Cina, hal ini seolah-olah saya menyatakan sesuatu yang buruk terhadap anak saudara saya dan rakan-rakan saya tentang kaum Cina. Telah banyak berlaku akomodasi, asimilasi dan akulturasi dalam diri saya yang bukan sahaja mendedahkan saya kepada pelbagai warna-warni budaya dan cara hidup masyarakat pelbagai kaum, malah saya sendiri juga telah memeluk Islam sejak puluhan tahun yang lalu. Hal ini menjadikan saya lebih mengerti, sensitif, faham dan bertolak ansur.

Sekolah ialah lingkungan terbaik untuk murid menjadi Duta MADANI Perpaduan (DMP) kerana sekolah menyediakan ruang fizikal yang bersesuaian. Pendidikan memainkan peranan penting untuk meningkatkan interaksi sosial dan kesepaduan sosial dalam kalangan pelajar pelbagai kaum. Di kawasan dan di persekitaran sekolahlah mereka dapat bergaul, berkawan, belajar bersama-sama, mencari kawan baharu, bermain, berpersatuan, serta membina persefahaman dan toleransi terutamanya dengan pelajar daripada kaum lain. Maka itu, pentingnya diwujudkan dan digalakkan persekitaran yang kondusif supaya pelbagai etnik dapat berinteraksi dengan selesa dengan bersosialisasi tanpa mengenal batasan kaum di kawasan sekolah. Persoalannya, bagaimanakah perkara ini dapat diterapkan di sekolah jenis kebangsaan terutamanya jika hanya satu kaum yang dominan di sekolah berkenaan?

Sebagai DMP menjadi tugas pemimpin sekolah, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), guru-guru dan kakitangan sekolah yang lain untuk berpegang dan mengamalkan nilai MADANI yang ditegaskan dalam gagasan MADANI yang diperjuangkan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-10, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim. Agenda pendidikan MADANI amat penting dan perlu diberikan perhatian khususnya untuk membentuk hubungan etnik yang harmoni dalam kalangan pelajar pelbagai kaum. KPM amat komited mengangkat agenda MADANI pendidikan dan DMP bagi menggagaskan agenda masyarakat yang inklusif, mementingkan perpaduan dan integrasi antara kaum.

Pendidikan formal dan tidak formal memainkan peranan penting untuk memupuk perpaduan dalam kalangan pelajar pelbagai kaum. Kita tidak mahu pelajar kita "bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing". Sebaliknya, kita mahu mereka hidup saling mengenali. Matlamat dan aspirasi perpaduan negara memberikan penekanan kepada perkongsian pengalaman dan nilai-nilai murni kepada murid sekolah dengan menghargai dan meraikan kepelbagaian dan kelainan kaum, budaya, agama dan cara hidup. Bagi memupuk perpaduan dalam kalangan pelajar, sukatan mata pelajaran perlu memberikan perhatian kepada isu dan topik yang berkaitan dengan nilai-nilai murni dan hubungan etnik. Pelajar perlu didedahkan kepada agama, budaya, warisan, cara hidup dan hal-hal lain yang berkaitan dengan kaum lain di Malaysia. Untuk itu, guru sekolah perlu lebih kreatif dan imaginatif dalam menyampaikan pendekatan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran, supaya tidak hanya bergantung pada buku teks semata-mata. Perkongsian ilmu dan pengalaman secara langsung melalui perbincangan terbuka dengan pelajar tentu lebih berkesan. Malah, lawatan ke muzium dan kawasan kediaman pelajar daripada pelbagai kaum perlu digalakkan. Media sosial termasuklah YouTube juga perlu dimanfaatkan. Dalam proses tersebut, apabila sesuai, guru perlu mengaitkannya dengan prinsip Rukun Negara dan nilai-nilai murni yang ditekankan dalam mata pelajaran Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam serta agama lain.

Nilai dan amalan positif yang dibentuk sejak di bangku sekolah akan banyak mempengaruhi kelakuan dan tindakan pelajar apabila meningkat dewasa dan mula bekerja. Pendidikan formal biasanya diterapkan melalui bilik darjah dalam proses pengajaran dan pembelajaran, manakala yang bukan formal pula dibuat di luar bilik darjah yang melibatkan pelibatan ibu bapa, keluarga, masyarakat dan media massa. Oleh itu, proses pengajaran dan pembelajaran perlu berorientasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan agar perpaduan yang kukuh dalam kalangan pelajar dapat dicapai.

Pelajar juga dapat menjadi DMP dengan melakukan pelbagai aktiviti. Walau bagaimanapun, pihak sekolah perlu terlebih dahulu mewujudkan persekitaran dan galakan yang sesuai bagi memungkinkan perkara tersebut berlaku dengan bersahaja. Pelajar hendaklah digalakkan untuk menghargai kelainan dan perbezaan. Mereka harus memahami bahawa setiap orang adalah

berbeza dan memiliki keunikan dan kelebihan masing-masing. Pelajar harus memahami nilai perpaduan dan integrasi, seperti toleransi, menghormati perbezaan, kerjasama, keadilan, dan kebersamaan. Mereka harus belajar untuk menghormati perbezaan yang ada berdasarkan latar belakang etnik, agama, budaya atau kepercayaan. Pelajar harus menghargai keanekaragaman budaya dan meraikan perbezaan yang ada dalam kalangan mereka. Pelajar harus belajar untuk menghormati perbezaan budaya, bahasa, dan agama, serta menghargai keunikan yang dimiliki oleh setiap kelompok masyarakat. Guru perlu memainkan peranan yang penting dengan bersikap adil kepada pelajar dan jangan mewujudkan ruang untuk sebarang bentuk diskriminasi di sekolah.

Pelajar harus menjadi contoh yang baik dengan cara menunjukkan sikap toleransi dan menghargai perbezaan dalam kalangan rakan sekelasnya. Mereka juga harus mendorong teman-temannya untuk melakukan hal yang sama. Mereka dapat bergabung melalui kegiatan persatuan di sekolah, seperti kelab budaya, sukan atau pertubuhan keagamaan. Di sinilah pelajar dapat belajar mengenai budaya dan tradisi orang lain, serta meraikan perbezaan tersebut. Pihak sekolah juga perlu mengadakan aktiviti yang sesuai termasuklah latihan sebagai DMP. Latihan ini biasanya meliputi latihan kepemimpinan, keterampilan komunikasi, dan pemahaman tentang kepelbagaian ragam budaya. Dengan bantuan guru, pelajar dapat menganjurkan acara kebudayaan di sekolah atau melibatkan sekolah lain di sekitarnya. Hal ini menjadi medium terbaik untuk memperkenalkan budaya dan tradisi yang pelbagai kepada pelajar, selain dapat mewujudkan semangat kerjasama dan berpersatuan. Pelajar juga dapat membantu rakan yang mengalami kesulitan dalam menerima perbezaan atau berasa didiskriminasi. Dengan membantu rakan yang lain akan dapat memberikan dukungan dan sumber inspirasi untuk mereka menghargai perbezaan. Malah, pelajar dapat menjadi aktivis dan terlibat dalam gerakan sosial yang mendukung perpaduan dan kesetaraan.

Pelajar juga harus mengembangkan keterampilan sosial, seperti kemampuan berkomunikasi, berunding dan bekerjasama dalam kelompok rakan pelajar yang lain. Keterampilan sosial ini akan membantu pelajar memperkuat hubungan interpersonal sesama mereka, menghormati perbezaan, dan membangunkan persaudaraan dan berpersatuan. Aktiviti di luar bilik darjah pastinya

akan lebih berkesan melalui konsep pembelajaran melalui pengalaman dengan menekankan aspek amali. Interaksi dan pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh pelajar, termasuklah dengan komuniti lain di luar sekolah akan menyebabkan mereka lebih memahami dan menghargai perbezaan. Mereka akan dapat membantu meningkatkan kesedaran tentang masalah yang berkaitan dengan perbezaan, serta memperjuangkan hak kaum yang terlibat. Pada akhirnya, isu sensitif yang merugikan kita akan dapat ditangani dengan lebih rasional dan perpaduan antara kaum yang selama ini menjadi kunci kejayaan negara akan terus terpelihara.

Tahukah Anda?

Malaysia merupakan negara yang mempunyai lebih daripada 80 etnik yang unik dan tersendiri. Sabah mempunyai kira-kira 33 etnik, antaranya termasuklah kaum Kadazan Dusun, Murut, Bajau dan Rungus, manakala Sarawak pula mempunyai kira-kira 28 etnik, antaranya termasuklah kaum Iban, Bidayuh, Melanau, Orang Ulu dan lain-lain.

Antara negeri yang terbaik untuk kita memahami tentang hubungan kaum dan perpaduan ialah negeri Sabah dan Sarawak. Hal ini demikian kerana kedua-dua negeri ini masing-masing mempunyai sekitar 30 kaum, tetapi masih dapat hidup dalam keadaan yang aman dan harmoni. Mengapakah kita tidak mengadakan program dan aktiviti pertukaran pelajar dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak, atau sebaliknya, baik secara formal atau tidak formal agar mereka dapat memahami hubungan budaya dan kaum di wilayah tersebut dengan lebih dekat? Begitu juga dengan pertukaran pelajar ke luar negara. Pastinya dengan cara ini kita akan dapat memperkukuh integrasi nasional apatah lagi pada tahun ini kita akan menyambut ulang tahun penubuhan Malaysia yang ke-60. Melalui program ini, kita akan dapat membantu pelajar memperluas wawasan mereka tentang budaya dan kehidupan di dalam dan di luar negara, serta memperkuatkan kemampuan mereka untuk berkomunikasi dengan orang yang berbeza budaya.

Sesungguhnya, sekolah menjadi tempat yang paling relevan dan berkesan untuk memupuk dan mengukuhkan semangat perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan pelajar pelbagai kaum di negara ini. 🌟

Bagaimanakah cara untuk menjadikan pelajar sebagai Duta MADANI Perpaduan?

- 1 Pelajar perlu didedahkan kepada agama, budaya, warisan, cara hidup, dan hal lain yang berkaitan dengan kaum lain di Malaysia.
- 2 Pelajar perlu memahami nilai perpaduan dan integrasi, seperti toleransi, menghormati perbezaan, kerjasama, keadilan dan kebersamaan.
- 3 Pelajar perlu menghargai keanekaragaman budaya dan meraikan perbezaan yang ada dalam kalangan mereka.
- 4 Pelajar perlu belajar menghormati perbezaan budaya, bahasa, dan agama, serta menghargai keunikan yang dimiliki oleh setiap kelompok masyarakat.
- 5 Pelajar perlu menjadi contoh yang baik dengan cara menunjukkan sikap toleransi dan menghargai perbezaan dalam kalangan rakan sekelasnya.
- 6 Pelajar perlu mengembangkan keterampilan sosial, seperti kemampuan berkomunikasi, berunding dan bekerjasama dalam kelompok rakan yang berlainan bangsa, agama dan budaya.
- 7 Pelajar perlu melibatkan diri dalam program pertukaran pelajar antara sekolah di dalam negeri dengan di luar negara.